

# IPT jadi pusat lahir atlet negara

Oleh Mohd Azrone Sarabatin  
azrone@bharian.com.my

**S**EBANYAK 25 institusi pengajian tinggi (IPT) awam termasuk satu IPT swasta di seluruh negara dipilih untuk menjayakan Program Pembangunan Pusat Kecemerlangan Sukan (PKS) dan Program Pembangunan Pusat Sukan Tumpuan (PST).

Daripada jumlah itu lapan dipilih untuk melaksanakan kedua-dua program yang diyakini mampu melahirkan atlet negara bertaraf dunia dalam temasya Sukan Olimpik, Sukan Komanwel dan Sukan Asia pada masa depan.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, berkata lapan universiti terpilih sebagai PKS dan 25 IPT terpilih sebagai PST.

"Pemilihan IPT ini diharap dapat meningkatkan atlet yang bermutu dan mampu menaikkan nama negara pada masa depan," katanya.

Mohamed Khaled berkata demikian ketika berucap pada majlis Kecemerlangan Sukan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) 2010, Penyampaian Geran Penyelidikan Sukan KPT dan Pelancaran Liga Bola Sepak IPT Piala Menteri Pengajian Tinggi di Putrajaya, baru-baru ini.



UMS terpilih menjayakan program PST bagi acara bola sepak.

Mohamed Khaled berkata Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) dipilih bagi acara menembak bersesuaian dengan kemahiran universiti terbabit, manakala IPT swasta tunggal terpilih ialah Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) bagi acara hoki.

Beliau berkata, dua politeknik turut dipilih melak-

sanakan PST iaitu Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, Arau, Perlis (PTSS) dalam acara sepak takraw dan Politeknik Merlimau, Melaka (tenpin boling).

"Turut tersenarai ialah dua kolej komuniti iaitu Kolej Komuniti Hulu Langat, Selangor (KKHL) yang melaksanakan acara ping pong dan Kolej Komuniti Paya Besar,

Pahang (KKPB) bagi acara bola tampar," katanya.

Sementara itu, Ketua Setiausaha KPT, Ab Rahim Md Noor berkata kementerian mengambil berat pembabitan pelajar IPT dalam kegiatan kurikulum terutama sukan untuk melahirkan modal insan seimbang meliputi perkembangan akademik, fizikal, mental dan rohani.

## INFO

### PUSAT KECEMERLANGAN SUKAN:

#### IPT

Universiti Malaya  
Universiti Sains Malaysia  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
Universiti Putra Malaysia  
Universiti Teknologi Malaysia  
Universiti Teknologi MARA  
Universiti Utara Malaysia  
Universiti Malaysia Sabah

#### Sukan

bola jaring  
renang  
kriket  
ragbi  
mendayung  
bola sepak  
golf  
tae kwan do

### PUSAT SUKAN TUMPUAN:

#### IPT

Universiti Malaya  
UKM dan UTM  
Universiti Putra Malaysia  
Universiti Teknologi MARA  
Universiti Utara Malaysia  
Universiti Malaysia Sabah  
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia  
Universiti Malaysia Sarawak  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
Universiti Sains Islam Malaysia  
Universiti Malaysia Terengganu  
Universiti Tun Hossien Onn Malaysia  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka  
Universiti Malaysia Pahang  
Universiti Malaysia Perlis  
Universiti Sultan Zainal Abidin  
Universiti Malaysia Kelantan  
Universiti Tenaga Nasional (UNITEN)

#### Sukan

badminton  
bola tampar  
memanah  
sepak takraw  
ping pong  
bola sepak  
futsal  
tenpin boling  
hoki dewan  
tae kwan do  
squash  
silat  
basikal  
bola keranjang  
tenis  
memanah  
boling padang  
hoki  
sepak takraw  
tenpin boling  
ping pong  
bola tampar